

Newspaper	Berita Harian
Date	15 June 2015

'Isu 1MDB diselesai sebelum akhir tahun'

BH-15/6/2015

» *PM minta rakyat fahami keadaan, janji atasi masalah*

Oleh **Hazwan Faisal Mohamad**
hazwanfaisal@bh.com.my

► **Kuala Lumpur**

Datuk Seri Najib Razak memberi jaminan isu 1Malaysia Development Bhd (1MDB) dapat diselesaikan, sebelum akhir tahun ini.

Perdana Menteri berkata, demikian ketika memberi penerangan kepada hampir 1,500 Ketua Penerangan dan Setiausaha Bahagian UMNO

seluruh negara pada Majlis Penerangan Perdana di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), semalam.

Bekas Naib Ketua UMNO Bahagian Bagan Datoh, Hasan Hamzah, berkata pada majlis itu, Perdana Menteri memberi jaminan isu 1MDB dapat diselesaikan dalam tempoh beberapa bulan atau sebelum akhir tahun ini.

Katanya, 1MDB adalah entiti perniagaan dan semua transaksi perniagaan yang dijelaskan oleh Perdana Menteri berbeza dengan apa yang dikatakan di media sosial atau pihak pembangkang.

Beri masa selesai masalah

"Bukan mudah untuk menguruskan perniagaan yang besar, ia mengambil masa dan Perdana Menteri meminta rakyat supaya memahaminya. Beri-

kan masa yang cukup kepadanya dan Perdana Menteri bejanji akan menyelesaikan masalah 1MDB itu," katanya ketika ditemui selepas majlis itu di sini, semalam.

Ahli Majlis Tertinggi UMNO,

U

Penerangan hampir sejam itu berjaya membangkitkan 'mood' mereka yang hadir untuk terus memberi sokongan kepada kepemimpinan beliau"

Irmohizam Ibrahim,
Ahli MT UMNO

Datuk Irmohizam Ibrahim, berkata Perdana Menteri menjelaskan dengan terperinci segala isu termasuk 1MDB kepada semua wakil.

Katanya, Najib menjawab satu persatu isu yang dibangkitkan oleh Tun Dr Mahathir Mohamad mengenai 1MDB dan turut menceritakan kronologi mengenai syarikat pelaburan itu.

Penjelasan meyakinkan

"Beliau menjawab segala persoalan mengenai 1MDB dengan baik dan meyakinkan selain turut menjelaskan peranan masa depan syarikat ini. Penerangan selama hampir sejam itu berjaya membangkitkan 'mood' mereka yang hadir untuk terus memberi sokongan kepada kepemimpinan beliau," katanya.

Ketua Penerangan UMNO Kelantan, Datuk Md Alwi Che Ahmad, berkata dalam pertemuan Selama sejam itu, Najib menekankan supaya semua ahli UMNO bersatu dan mengukuhkan perpaduan dalam parti.

Katanya, semua yang hadir juga berpuas hati dan menerima dengan baik segala penjelasan Perdana Menteri.